

RESPON NGO WANITA ANTARABANGSA MENGENAI PERLAKSANAAN HUDUD TERHADAP WANITA

Nursolehah Binti Mat Razali^{1,a}, Prof Madya Dr. Siti Zubaidah Binti Ismail²

Jabatan Syariah dan Undang-Undang,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

^anursolehah@siswa.um.edu.my

Kata Kunci: Perlaksanaan hudud, Respon NGO wanita Antarabangsa, Kritikan, kedudukan, dan wanita.

Abstrak. Hudud adalah bentuk hukuman yang dituntut untuk dilaksanakan dalam Islam. Hukuman hudud telah dilaksanakan di beberapa buah negara Islam yang lain seperti Negara Pakistan, Nigeria dan Sudan. Namun, hudud telah dipertikaikan dari segi bentuk perlaksanaannya yang mana telah dikatakan sebagai bentuk hukuman yang tidak dapat mengadili hak-hak wanita dengan baik. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui sejauhmana pandangan ataupun respon yang diutarakan oleh NGO wanita antarabangsa berkenaan dengan isu wanita dalam perlaksanaan hudud yang telah dilaksanakan di beberapa buah negara Islam yang lain. Kepentingan kajian ini adalah untuk memberi penjelasan yang lebih teliti terhadap isu-isu yang telah ditimbulkan kepada wanita terutamanya dalam isu kedudukan wanita dalam perlaksanaan hudud.

PENDAHULUAN

Perlaksanaan hudud bukan satu isu yang baru untuk dibincangkan yang mana isu ini sering menjadi perbincangan diantara negara-negara Islam yang lain seperti Nigeria, Arab Saudi, Pakistan dan lainnya. Negara yang telah meminda perlaksanaan hudud adalah seperti Negara Nigeria dan Pakistan (Abdul Halim El-Muhammady, 2005) yang mana kedua-dua negara ini telah menggubal enakmen jenayah Islam kepada perlaksanaan hukuman jenayah secara hudud. Perlaksanaan hudud dilaksanakan adalah melihat kepada keperluan umat Islam disana terhadap hukuman jenayah Syariah yang mungkin dapat dilaksanakan dengan lebih adil. Namun, setelah sekian lama perlaksanaan hudud tidak dapat lagi dilaksanakan dengan cara menyeluruh kerana ketidaksesuaian bentuk hukuman yang bersesuaian dengan perkembangan semasa terpaksa dibubarkan semula undang-undang jenayah hudud kepada perlaksanaannya yang lebih bersesuaian dengan masyarakat kini. Permasalahan yang sering ditimbulkan dalam perlaksanaan hudud adalah melibatkan hukuman terhadap pesalah wanita yang telah dikatakan bahawa perlaksanaan hudud tidak mampu mengadili hak-hak wanita dengan baik. Sebagaimana yang berlaku di negara-negara yang telah melaksanakan hudud yang mana akhirnya ditimbulkan beberapa kritikan yang mengatakan bahawa hudud tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat beberapa keraguan dan ketidakjelasan pembuktian dalam membuktikan sesuatu kesalahan.

Sebagai contoh isu perbincangan yang dibincangkan di Negara Pakistan (Azman bin Mohd Noor, 2008) yang mana ada sesetengah pihak telah mengkritik perlaksanaan hukuman hudud terhadap wanita terutamanya dalam isu yang melibatkan jenayah rogol. Sebagaimana kes Amina Nawal (Clemes N. Nathan, 2012) dan Safiya Hussein (Karimunda., 2016) mereka telah dijatuhkan hukuman rejam sampai mati atas sebab kesalahan yang sama melibatkan zina iaitu hamil diluar nikah walhal mereka telah dirogol. Dalam permasalahan ini kebanyakkan wanita tidak dapat menyelesaikan kes mereka di mahkamah kerana gagal untuk menghadirkan empat orang saksi yang terdiri daripada lelaki muslim yang akhirnya mengakibatkan kes mereka tidak dapat hak pembelaan dari sudut undang-undang. Oleh itu, kajian ini diteliti dengan lebih mendalam mengenai pandangan NGO wanita antarabangsa terhadap kritikan yang ditimbulkan tentang perlaksanaan hukuman hudud.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan kajian perpustakaan iaitu dengan mengkaji pandangan ulama yang terdahulu dan kajian melalui artikel-artikel berkenaan dengan perlaksanaan hukuman hudud terhadap kaum wanita. Kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan metode analisis data melalui artikel-artikel dan pandangan yang telah dikeluarkan oleh badan-badan NGO wanita antarabangsa terutamanya yang melibatkan perlaksanaan hukuman hudud terhadap wanita. Dengan menganalisis data yang berkaitan penulis mengkaji kritikan yang telah ditimbulkan melalui kajian-kajian yang terdahulu. Kepentingan kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana kritikan yang ditimbulkan berkenaan dengan perlaksanaan hukuman hudud kepada wanita agar dapat menjadi bahan rujukan kepada pembaca dalam mendalami isu permasalahan yang ditimbulkan berkaitan dengan keperluan wanita dalam perlaksanaan hukuman hudud.

PANDANGAN NGO WANITA ANTARABANGSA TENTANG HUDUD

Perlaksanaan hudud sering diperdebatkan dengan dikatakan bahawa hudud tidak mengadili hak-hak wanita dengan baik dan telah berlaku ketidakselarasan gender dalam perlaksanaannya. Hudud telah dilaksanakan di beberapa negara-negara Islam namun dari sudut perlaksanaannya terdapat beberapa masalah yang mengakibatkan hudud tidak dapat dilaksanakan dengan baik bersesuaian dengan keadaan semasa. Disebabkan keadaan yang sedemikian, mengakibatkan sesetengah NGO wanita yang mengatakan bahawa hudud perlu diselaraskan dengan beberapa undang-undang yang perlu dibaikpulih untuk menyelaraskan undang-undang agar bersesuaian dengan keadaan masa kini dan dapat digunakan secara sepenuhnya. Hal ini kerana terdapat banyak bentuk pengianayaan yang telah berlaku kepada wanita dari sudut fizikal mahupun mental. Sebagai contoh yang dapat dilihat banduan yang ada di penjara Pakistan ramai yang terdiri daripada golongan pesalah wanita. Akibat daripada itu terdapat ramai baduan wanita yang terpaksa melahirkan anak di penjara akibat tempoh masa berada di penjara yang begitu panjang (Aliyah Ali dan Nasreen Aslam Shah, December 2011). Begitu juga kes yang telah berlaku kepada banduan wanita sehingga hampir 80% banduan wanita yang telah ditahan dirogol polis dalam penjara adalah terdiri daripada golongan wanita (Rasheed Sadia, Mufti Mazhar, Najma Najam, 2005). Hasil kesedaran ini muncul apabila ada golongan yang membantah terhadap kegagasan kepada wanita yang menafikan hak-hak mereka untuk dilaksanakan dengan sebaiknya. Lebih malang lagi, hampir 70% (“Qanoon Ka Nifaz, 2006) wanita yang berada dalam tahanan polis juga turut mengalami kecederaan fizikal termasuklah penderaan seksual dan juga kecederaan kerana dipukul, ditampar, mengikat tangan mangsa dan digantung, memasukkan benda tajam dan cili dalam faraj dan lain-lain lagi bentuk penyeksaan yang dikira tidak wajar diperlakukan dengan sedemikian kerana wanita adalah golongan yang lemah dan adakalanya banduan wanita juga sedang dalam keadaan sarat mengandung.

Berlakunya isu keganasan ini kepada wanita, ramai golongan yang bukan kerajaan (NGO) wanita bangkit untuk menyuarakan hak-hak wanita agar tidak terus dianiaya dan ditindas. Hal ini kerana tidak semua wanita yang mengetahui hak-hak mereka sehinggalah mereka telah dieksploitasikan hak sebenar mereka (Aliyah Ali dan Nasreen Aslam Shah, Women prisoners in Pakistan: changing practices to enforce laws & rights,). Dengan tercetusnya pelbagai kritikan dan juga pandangan yang telah diutarakan wanita maka wanita di Pakistan telah mengambil inisiatif untuk menyuarakan pandangan mereka seperti NGO yang terkenal di peringkat antarabangsa iaitu Forum Pergerakan Wanita dan Shirgat Gah (Martin Lau, 2007) yang berjaya mengesa kerajaan Pakistan untuk melantik satu badan Suruhanjaya Siasatan bagi kesalahan yang melibatkan kaum wanita agar wanita tidak tindas dan mereka juga berhak mendapat pembelaan terhadap hak-hak mereka.

Peranan yang dimainkan oleh NGO wanita adalah cukup besar kerana ia melibatkan kerajaan ataupun ada akta perlembagaan yang khusus namun tidak boleh diubah dengan sesewang-wenangnyanya bahkan memerlukan satu kajian yang khas untuk memutuskan samaada sesuatu perlembagaan itu dapat diubah ataupun tidak. Begitu juga dalam akta perlaksanaan hukuman hudud yang telah dilaksanakan di Pakistan, Nigeria dan Sudan dimana ramai daripada agensi bukan kerajaan mahupun ahli akademik mengkaji semula penggunaan perlaksanaan hukuman hudud yang telah diaplikasikan di negara mereka untuk melihat semula dari sudut pro dan kontra perlaksanaan hukuman hudud. Namun, isu ini telah menjadi perbincangan yang begitu luas apabila timbulnya isu keganasan dan juga ketidakselarasan gender dalam perlaksanaan hudud yang mengakibatkan hudud tidak dapat membela wanita sepenuhnya.

Respon NGO wanita yang dikumpul oleh penulis adalah hasil penulis akademik dan juga isu yang ditimbulkan dalam artikel-artikel berkenaan dengan perlaksanaan hukuman hudud yang mana penulis mengfokuskan terhadap perlaksanaan hukuman hudud kepada wanita kerana isu yang sering ditimbulkan adalah isu ketidakadilan hukuman kepada wanita. Oleh itu, dalam dalam merungkai respon yang telah diperbincangkan penulis telah menetapkan beberapa bahagian tema yang berikut.

a) Peruntukan Undang-Undang Yang Terhad. Perlaksanaan hukuman hudud yang dilaksanakan di negara luar seperti Arab Saudi, Pakistan, Nigeria dan juga negara-negara lain. Apa yang perlu difahami adalah hukuman terhadap penjenayah diertikan sebagai suatu hukuman yang dilakukan terhadap sesuatu perkara yang mana memerlukan kepada suatu tindakan dilakukan agar kesalahan yang dilakukan tidak akan mengulangnya (Ishaq, 2016) . Keperluan kepada perlaksanaan hukuman hudud adalah dituntut sebagai sebahagian hukuman jenayah yang melibatkan sebahagian daripada undang-undang jenayah. Hukuman jenayah hudud dilaksanakan kepada pesalah-pesalah yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan jenayah hudud seperti kesalahan yang melibatkan hukuman jenayah zina, rogol dan lain-lain yang bersesuaian dengan senarai kesalahan yang berada dalam peruntukan kesalahan jenayah hudud. (Katherine M. Weaver, 2007) juga ada menyatakan bahawa peruntukan undang-undang jenayah hudud yang diperuntukkan adalah terhad dan tidak menyeluruh sebagaimana yang telah diperuntukan dalam akta undang-undang jenayah hudud di Negara Pakistan yang menyatakan bahawa kesalahan jenayah rogol adalah dibawah kesalahan yang sama jenayah zina yang termaktub di dalam Hudood Ordinance Pakistan 1979.

Perkara ini telah mencetuskan pelbagai pandangan yang mengatakan bahawa kesalahan jenayah rogol adalah perkara yang berbeza dengan kesalahan zina kerana perzinaan adalah perbuatan yang dilakukan oleh pasangan berkeinginan

yang sama. Tetapi dalam kesalahan yang melibatkan jenayah rogol adalah perkara yang melanggar kehidupan hak asasi manusia dan dilakukan dengan secara paksa. Perkara ini telah dibincangkan dan telah membuat peruntukan yang baru dan sebahagiannya telah diluluskan pada November 2006 (Katherine M.Weaver, Women’s rights and Shari’a law: A Workable Reality? An Examination of possible international human rights approaches through the continuing reform of the Pakistani Hudood Ordinance., 2007). Hal ini menunjukkan bahawa ada kritikan yang telah dibuat melalui akta undang-undang jenayah hudud yang dilaksanakan kerana peruntukan yang disediakan tidak begitu meluas dan hanya terhad dan terikat yang mengakibatkan berlakunya diskriminasi hak wanita sekiranya berlaku sesuatu permasalahan yang berkaitan dengan kes rogol, agak sukar untuk diselesaikan kerana peruntukan yang sedia ada terhad dan tidak meluas.

Aktivis wanita dan pertubuhan-pertubuhan Kebangsaan dan Antarabangsa iaitu Jahangir, A &Jilani (Jahangir, 1990) juga telah menentang Ordinan Hudud 1979 Pakistan, yang menyatakan bahawa enakmen ini terdapat unsur mendiskriminasi terhadap wanita. Diantara sebab mereka menentang adalah dari sudut peruntukan yang sedia ada dalam akta undang-undang hudud tidak mampu mencapai bentuk keadilan kepada wanita terutamanya dalam isu yang melibatkan kes jenayah zina dan rogol kerana agak sukar untuk membuktikan kesalahan jenayah rogol dan zina sekiranya tidak ada bukti yang kukuh dan kuat sebelum menjatuhkan sebarang hukuman. Lantas demikian, membuktikan bahawa dengan terhadnya dari segi bentuk peruntukan hudud yang secara tidak langsung mengakibatkan wanita tidak mendapatkan hak pembelaan yang sepenuhnya daripada akta undang-undang hudud.

Selain itu juga, ada kritikan yang telah dibuat terhadap Akta Jenayah Sudan pada tahun 1991 yang menyatakan bahawa pelaksanaan undang-undang jenayah mempunyai beberapa kesukaran untuk dilaksanakan suatu tindakan atas kesalahan yang melibatkan kesalahan kes jenayah zina dan rogol (Liv Tonnessen, 2014). Hal ini kerana dalam akta ini telah menyebut bahawa dalam perkara 149 akta jenayah Sudan, menyatakan bahawa;-a) Kesalahan yang dilakukan hubungan seks dengan cara berzina atau homoseksual atau dengan mana-mana orang tanpa kebenaran maka boleh dianggap sebagai jenayah rogol, b) Persetujuan tidak diakui dimana pesalah itu mempunyai jagaan atau kuasa keatas mangsa. c) Sesiapa yang telah melakukan kesalahan rogol dan hendaklah dihukum dengan seratus sebatan dan penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun, melainkan kesalahan yang melibatkan perzinaan atau homoseksual maka ia boleh dihukum dengan kematian.

Melalui peruntukan ini dalam bahagian b) perkara 149 jelas menyatakan bahawa sekiranya kanak-kanak telah dirogol maka undang-undang tidak memerlukan persetujuannya untuk membuktikan perkara tersebut. Hal ini membuktikan bahawa kanak-kanak telah diberikan perlindungan yang lebih baik berbanding daripada orang dewasa. Perkara ini juga ditimbulkan juga kerana wanita yang dewasa juga tidak mendapat hak sedemikian dalam undang-undang kerana hampir semua kes kesalahan yang melibatkan jenayah rogol tidak dapat diselesaikan dengan baik kerana pihak perogol menafikan pengakuannya atas perbuatan tersebut maka wanita yang membuat aduan tersebut dikenakan hukuman atas sebab tuduhan zina yang dilakukan. Perkara ini juga dapat dilihat dalam artikel 62 Akta Keterangan 1994 Sudan (Liv Tonnessen, When rape becomes politics: Negotiating Islamic law reform in Sudan., 2014), menyatakan bahawa kesalahan zina mestilah dibuktikan oleh mana-mana satu daripada yang berikut: (a) pengakuan di hadapan mahkamah, kecuali ditarik balik sebelum hukuman itu sebelum dilaksanakan; (b) kesaksian empat lelaki dewasa; (c) kehamilan wanita itu jika dia belum berkahwin; (d) Sumpah lian (yang dilakukan terhadap tuduhan zina).

Melalui akta ini terdapat banyak kritikan yang telah dibuat antaranya ialah kesukaran untuk mendapatkan bahan bukti yang diperlukan mengakibatkan beberapa kes-kes jenayah yang melibatkan wanita perlu ditangguhkan dan dibatalkan serta merta. Hal ini terjadi kerana telah termaktub dalam perlembagaan undang-undang jenayah hudud bahawa pelaksanaan hukuman hudud tidak dapat dilaksanakan sekiranya syarat-syarat yang telah ditetapkan gagal dipenuhi. Selain itu juga, pembuktian yang menerangkan seseorang itu terlibat dengan kesalahan jenayah zina adalah kehamilan diluar nikah. Perkara ini mendapat tentangan daripada pihak wanita antarabangsa dan juga agensi kerajaan yang lain kerana melihat kepada perkara ini sangat tidak adil kepada wanita kerana tidak semua perkara hamil luar nikah hanya boleh disabitkan dengan kes penzinaan namun ada juga kes wanita yang hamil di luar nikah.

Demikian ini agak sukar untuk dilaksanakan kerana peruntukan undang-undang hudud yang terhad dan terikat kepada akta perlembagaan hudud yang mengakibatkan dalam perkara ini wanita telah dianiaya dari sudut undang-undang. Hal ini demikian, kritikan juga telah dibuat kritikan oleh (Martin Lau,2007) yang mengatakan bahawa perlu diadakan suatu perubahan dari segi bentuk peruntukan akta undang-undang hudud agar sebarang masalah dan pertikaian dapat diselesaikan dengan cara baik dan tidak timbul isu berat sebelah dan sebagainya. Dengan kritikan yang dibuat dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan hukuman hudud perlu melihat kepada skop yang lebih luas lagi iaitu kesan daripada peruntukan yang akan dilaksanakan. Hal ini kerana dengan sebarang tindakan yang diambil sebenarnya mampu memberikan kesan yang cukup besar kepada wanita.

b) Mendiskriminasi Kaum Wanita. Hukuman hudud juga sering dilabel sebagai bentuk hukuman yang mendiskriminasi kaum wanita kerana terdapatnya unsur yang tidak adil dalam pelaksanaannya seperti keadaan yang

berat sebelah yang mengakibatkan hak wanita dan juga pembelaan terhadap kaum wanita telah diabaikan. Aliyah Ali dan Nasreen Aslam Shah (Aliyah Ali dan Nasreen Aslam Shah, Women prisoners in Pakistan: changing practices to enforce laws & rights,)“Wanita di Pakistan kebanyakan telah didiskriminasi oleh akta pelaksanaan perundangan hudud adalah kerana ramai wanita yang tidak mengetahui hak mereka dalam undang-undang yang mengakibatkan mereka sering dianiaya”. Perkara yang demikian, membimbangkan kerana dengan terlaksananya akta ini wanita telah dianiaya dan berlakunya unsur mendiskriminasi kerana wanita yang tidak cakna dengan undang-undang dan juga tidak mengetahui hak mereka dalam proses pembicaraan mengakibatkan kaum wanita sering dijadikan alat untuk dilaksanakan hukuman keatas diri mereka.

Sebagai contoh, yang telah berlaku di Pakistan ramai golongan yang telah dianiaya dan diprovokasi kerana mereka tidak mempunyai bukti yang kukuh untuk mengemukakan aduan yang mengakibatkan ramai wanita yang terpaksa akur dengan kesalahan yang mereka tidak lakukan seperti dalam kesalahan yang melibatkan kesalahan jenayah rogol yang mana wanita tersebut telah membuat pengakuan bahawa dirinya telah dirogol oleh pesalah iaitu lelaki yang dikenalnya. Namun, kes ini ditolak kerana kekurangan bukti untuk menunjukkan lelaki itu bersalah. Malangnya lagi bagi wanita yang menjadi mangsa rogol dikenakan tindakan atas alasan hamil diluar nikah dan tuduhan zina yang telah dibuat. Perkara ini dilihat sebagai tidak adil dan tidak menyembelahi kaum wanita kerana pembelaan terhadap wanita tersebut telah diabaikan.

Kebanyakan kes yang melibatkan wanita sering dianggap sesuatu perkara yang biasa sehinggakan terdapatnya banyak kes-kes yang telah diabaikan tanpa pembelaan yang sebaiknya. Sebagai contoh kes yang telah berlaku di Pakistan yang terdiri daripada banduan yang paling ramai adalah terdiri daripada kaum wanita yang mengakibatkan banyaknya berlaku kes kontroversi sehinggakan ada banduan wanita yang telah diseksa dan melahirkan di penjara dalam tempoh masa pemenjaraan. Perkara ini adalah dianggap sebagai suatu bentuk pengiayaan dan mendiskriminasi wanita kerana wanita tidak diberikan hak pembelaan yang sebaiknya malah mengakibatkan banduan wanita ramai yang menjadi mangsa keadaan (Jahangir, A &Jilani, 1990).

Diantara isu kritikan yng telah dibuat oleh pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) wanita adalah isu mendiskriminasi wanita dari sudut kekurangan bahan bukti yang mengakibatkan pesalah wanita telah dihukum. Sebagai contohnya dalam kes bagi wanita yang terdiri daripada golongan yang miskin agak sukar untuk mereka untuk membawa peguam bela semasa pembicaraan kes diadakan yang mengakibatkan banyak kes yang mereka terpaksa mengalah kerana kekurangan bahan bukti yang mengakibatkan mereka terpaksa menerima hukuman keatas diri mereka. Perkara ini membimbangkan semua pihak kerana seolah-olah dalam pelaksanaan hudud tidak memberi peluang dan ruang kepada pesalah wanita untuk membuat rayuan dan pembelaan yang pada akhirnya hak mereka telah ditindas. Pada tahun 2003, desakan telah dibuat oleh sebahagian wanita yang menyatakan bahawa pindaan hukuman hudud perlu dikaji dan disemak supaya agar wanita tidak menjadi bahan kajian dan penyeksan kepada kaum wanita. Sehingga pada akhirnya akta undang-undang hudud Pakistan telah menubuhkan satu suruhanjaya siasatan khas untuk wanita pada tahun 1997 bagi mengkaji semula undang-undang dan kesannya kepada wanita agar wanita tidak berterusan dianiaya oleh undang-undang (Khawar Mumtaz, 2005).

Perkara yang mendiskriminasi wanita sebenarnya telah banyak berlaku kerana dari sudut undang-undang yang tidak dapat memberikan pembelaan yang sepenuhnya kepada wanita mengakibatkan hak wanita telah dinafikan dan ditindas. Sepertimana telah berlaku dalam kes undang-undang jenayah di Negara Pakistan, Sudan dan Nigeria mengenai kes rogol, pembunuhan dan penculikan yang mana kebanyakan wanita telah menjadi mangsa keadaan apabila seorang wanita yang membuat pengaduan tetapi gagal untuk mengemukakan bukti yang kukuh maka wanita tersebut boleh dikenakan hukuman. Begitu juga dalam kes rogol, seorang wanita boleh disabitkan sebagai hukuman yang telah melakukan penzinaan sekiranya wanita tersebut hamil dan tidak mempunyai bahan bukti yang mencukupi bahawa dia dirogol maka wanita tersebut boleh disabitkan kesalahan telah berzina. Perkara ini telah ditimbulkan oleh aktiviti wanita (Pratiksha Baxi, Shirin M. Rai and Shaheen Sardar Ali., 2006) yang mengkritik kerana melihat bentuk pelaksanaan hudud sebenarnya tidak berbentuk untuk membela wanita tetapi adalah sebaliknya. Oleh itu, tercetusnya pelbagai pandangan yang dikeluarkan adalah untuk membincangkan tentang hak-hak wanita dalam akta pelaksanaan hukuman hudud agar wanita dapat dibela dan dijaga hak mereka dengan sebaiknya.

Isu ketidakselaran gender merupakan satu isu yang cukup penting untuk diambil kira kerana unsur mendiskriminasi wanita ini sebenarnya memberikan kesan yang cukup besar kepada pembangunan negara kerana dari sudut pelaksanaan hukuman hudud adalah perlu untuk dilaksanakan dengan cara adil dan saksama sebagaimana yang telah diperuntukan syariat Islam yang sebenar. Disebabkan timbul isu kritikan yang banyak daripada badan-badan bukan kerajaan NGO wanita, ahli akademik dan sebagainya yang telah menggesa kerajaan Pakistan untuk menubuhkan satu akta perlindungan kanak-kanak dan wanita agar keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak ini mampu dibanteras (Human Right, 2015). Perkara ini dipandang serius oleh badan-badan yang terlibat dengan penjagaan hak dan kebajikan wanita kerana perkara ini bukan isu yang kecil tetapi isu mendiskriminasi wanita adalah perkara yang penting untuk diperbincangkan kerana ia melibatkan isu kegagasan dan menindas kaum wanita.

Rumusan yang dapat dibuat terhadap isu mendiskriminasi hak-hak wanita adalah sesuatu isu yang sering menjadi perdebatan dari kalangan pengkaji akademik mahupun badan-badan NGO wanita di peringkat antarabangsa mahupun kebangsaan kerana penindasan terhadap wanita dari sudut pelaksanaan hukuman hudud adalah tidak relevan berlaku kerana undang-undang hudud adalah bersifat keadilan. Namun, isu diskriminasi ini masih wujud kerana sikap atau pengurusan yang ditakbir atau diuruskan itu tidak dilaksanakan dengan adil dan saksama yang mana akhirnya wanita terus dianiaya dan ditindas. Dalam membincangkan isu ketidakselarasan gender terdapat ramai aktiviti yang terdiri daripada golongan wanita yang berpendapat bahawa dalam pelaksanaan hukuman hudud telah menimbulkan isu ketiakselarasan gender kerana terdapat beberapa isu kes yang melibatkan hak wanita telah diabaikan kerana timbulnya isu ketidakadilan dalam pelaksanaan hukuman hudud.

Sebagai contoh dalam kes seorang wanita yang mengemukakan kes mereka yang terlibat dengan kesalahan jenayah zina yang mana pengaduan telah dibuat bahawa dia telah dicabuli. Namun, wanita tersebut tidak dapat menyelesaikan kes mereka kerana bahan bukti tidak mencukupi seperti gagal untuk menghadirkan empat orang saksi yang melihat kejadian tersebut yang mengakibatkan kes itu gagal untuk dilaksanakan. Begitu juga dengan penafian yang telah dibuat oleh pesalah lelaki yang tidak mengakui perbuatan tersebut yang mengakibatkan wanita itu juga turut menjadi mangsa keadaan walhal kesalahan tersebut adalah berpunca daripada pesalah lelaki. Ketidakselarasan gender ini lah yang mengakibatkan hak wanita tidak dapat dibela dengan baik kerana ada sebahagian pihak lelaki (pesalah) yang mengambil mudah dengan hanya menafikan perbuatannya yang mengakibatkan lelaki itu akan bebas daripada hukumannya. Manakala wanita tersebut yang menjadi mangsa dan dihukum atas tuduhan zina yang dilakukan tanpa mengemukakan bukti yang kukuh.

Ketidakselarasan gender ini juga telah diperbincangkan oleh Khawar Mumtaz (Koos Kingma and Coroline Sweetman, , 2005) yang telah menyatakan bahawa “Perlu ada satu gerakan yang dapat membela kaum wanita dan tidak perlu melihat kepada gender kerana kedua-dua pihak samaada ada pihak lelaki mahupun wanita perlu dilaksanakan dalam bentuk hukuman yang sama dan tidak melihat kepada gender semata-mata”. Beliau juga telah menyatakan dalam artikelnya bahawa untuk mewujudkan kesaksamaan gender pihak agensi kerajaan perlu mengubah semula pindaan hudud yang dilaksanakan agar hudud dapat mewujudkan keselarasan gender dalam segi bentuk perlaksanaannya dan wanita akan lebih terjamin dari sudut pembelaannya dalam undang-undang.

Hal ini menunjukkan bahawa untuk mengatasi isu ketidakselaran gender adalah perlu menyediakan bantuan dan perlindungan kepada wanita untuk mengatasi penyalahgunaan undang-undang agar hak wanita tidak dieksploitasikan sewenang-wenangnya. Sebagaimana kes yang berlaku di Pakistan, India dan Bangladesh (Bruce B. Lawrence, 1994) telah menunjukkan bahawa wanita juga perlu diberikan hak yang khusus untuk membela diri mereka daripada ditindas. Hal ini kerana terdapat ramai golongan wanita yang tidak mengetahui ataupun tidak diberikan pendedahan yang sebaiknya terhadap hak-hak mereka yang mengakibatkan ramai wanita yang telah dianiaya dan ditindas oleh undang-undang yang dikatakan sebagai tetap dan mengikat. Oleh itu perlu ada satu perubahan yang perlu dilaksanakan agar tidak timbul isu masalah gender dalam pelaksanaan hukuman hudud.

Begitu juga, kritikan yang telah dibuat oleh (Pratiksha Baxi, Shirin M. Rai and Shaheen Sardar Ali, , 2006) yang menyatakan bahawa kesan ketidakselarasan gender dalam pelaksanaan hudud akan memberikan kesan yang besar kepada wanita yang mengakibatkan hak wanita akan dianiaya dan ditindas. Ketidakselarasan gender ini berlaku adalah disebabkan oleh persamaan hak tidak diberikan dengan sebaiknya kepada wanita. Sebagai contoh dalam kes yang telah berlaku di Pakistan dalam isu jenayah rogol kebanyakan wanita telah dizalimi dari sudut pelaksanaan hukuman terutamanya apabila sesuatu kes yang dikemukakan wanita tersebut gagal untuk mengemukakan bukti yang kukuh yang mengakibatkan wanita itu akan dikenakan hukuman.

Perkara sedemikian telah banyak berlaku kebanyakan pesalah lelaki ramai yang tidak mengaku perbuatannya tersebut yang mengakibatkan kes tersebut terpaksa ditangguhkan dan ditarik balik. Isu ketidakselaran gender ini berlaku kerana wanita juga tidak diberikan hak yang sama dalam undang-undang terutamanya dalam sudut penyiasatan yang lebih lanjut terhadap isu-isu yang berkaitan dengan wanita agar hak wanita tidak dianiaya. Isu ini timbul apabila melihat pelaksanaan hukuman hudud seolah-olah hukuman yang diberikan berat sebelah dan telah menghukum mangsa yang tidak bersalah.

c) Pelanggaran Hak Asasi Manusia. Pelanggaran hak asasi manusia telah ditimbulkan dengan pelbagai isu apabila hukuman yang telah dikenakan kepada banduan telah menyalahi hak asasi manusia. Sebagai contoh di penjara sebenarnya adalah sesuatu tempat yang disediakan untuk proses pemulihan jenayah tetapi telah salah digunakan yang mengakibatkan kerajaan atau penguasa gagal untuk memberikan perlindungan yang sepenuhnya apabila ada kes yang banduan wanita telah dirogol. Dalam keadaan ini jelas menunjukkan bahawa telah berlaku unsur pelanggaran hak asasi manusia apabila banduan wanita yang sama ada dalam jagaan polis penjara berada dalam keadaan agak dahsyat dan mengerikan. Dalam kenyataan artikel yang telah dikeluarkan oleh (Aliyah Ali dan Nasreen Aslam Shah, , 2011) menyatakan bahawa “Adalah sukar untuk mengukur keadaan fizikal dan mental mereka kerana mereka tidak mudah membincangkan masalah mereka dengan sesiapa sahaja”.

Banduan wanita yang tinggal bersama anak-anak mereka atau mempunyai anak di luar penjara menghadapi lebih banyak isu psikologi daripada yang lain. Lebih daripada 60% daripada banduan wanita adalah ibu-ibu kanak-kanak kecil. 3% daripada kanak-kanak wanita hidup dalam penjara dengan mereka. Kebanyakan penjara penuh sesak dan agak sukar untuk menyediakan perkhidmatan pemulihan kepada banduan. Majoriti banduan wanita adalah terdiri daripada yang buta huruf dan tidak tahu hak-hak undang-undang mereka. Perkara ini berlaku kerana terdapat ramai banduan wanita dituduh melakukan jenayah tetapi perkara ini dilakukan oleh suami, atau ahli keluarga yang terdiri daripada lelaki yang memaksa mereka hidup dalam penjara atas kesalahan yang mereka tidak dilakukan. Perkara ini telah menjadi isu perbincangan oleh kumpulan-kumpulan hak asasi manusia dan NGO wanita (Martin Lau, Twenty-Five years of Hudood Ordinances- A Review, 2007) supaya menggubal semula rang undang-undang pelaksanaan hukuman hudud agar pesalah yang tidak melakukan kesalahan tidak dihukum sewenang-wenangnya yang pada dasar akhirnya akan mengakibatkan berlakunya keganasan dan pengianayaan kepada kaum wanita. Hal ini demikian, isu keganasan dan pemerkosaan yang berlaku kepada banduan wanita adalah perkara yang telah menyalahi undnag-undang hak asasi manusia.

Pelanggaran hak asasi manusia adalah suatu bentuk perbuatan yang melanggar batas-batas keperluan keatas hak-hak perseorang. Sebagai contoh yang telah berlaku di Pakistan adalah sesuatu perkara yang tidak wajar dilakukan kerana bentuk penyeksaan dan juga pemerkosaan yang dilakukan adalah sesuatu perkara yang bukan mampu untuk memberikan pengajaran yang sebaiknya kepada baduan bahkan mengeksploitasikan hak wanita berada di dalam penjara. Perkara ini juga perlu dimainkan peranan samaada agensi NGO wanita mahupun pihak media bagi menentang kezaliman yang berlaku terhadap hak asasi wanita di bawah tahanan penjara (Aliyah Ali dan Nasreen Aslam Shah, , 2011). Hal demikian berlaku kerana ramai kalangan tahanan wanita yang tidak tahu tentang kemajuan peguam terhadap kes-kes mereka yang mengakibatkan sebahagian mereka telah ditahan dalam tempoh yang agak lama.

Isu terhadap pelanggaran hak asasi manusia telah dikritik oleh sesetengah pihak yang mengatakan bahawa walaupun sudah dilaksanakan undang-undang untuk menjaga kepentingan hak-hak dan perlindungan bagi wanita, namun wanita masih menderita dengan pelbagai keganasan dan pencabulan hak asasi manusia (AFP, 2013) . Perkara ini menjadi isu perbincangan kerana statistik telah menunjukkan bahawa seramai 80% wanita yang telah dijatuhkan hukuman penjara melalui akta pelaksanaan hudud yang mana banduan wanita telah menjadi mangsa penderaan fizikal dan seksual. Menurut laporan Surahanjaya Hak Asasi Manusia di Pakistan (Naveeda Noreen, 2013) menjelaskan bahawa wanita yang berumur panjang telah dipenjarakan dengan tuduhan zina dari wanita berusia 70 tahun sehingga 11 tahun. Kes yang telah didaftarkan terhadap wanita setiap tahun adalah sebanyak 1500 kes manakala 3,399 rayuan dalam kes zina dibentangkan dalam mahkamah. Perkara ini telah dikritik oleh Jahangir dan Jillani (Naveeda Noreen, 2013) diantara aktiviti yang telah mengadakan seminar dan perbentangan bagi mengkritik isu pelanggaran hak asasi manusia bagi menjamin pembelaan yang sepenuhnya kepada wanita.

d) Keperluan Saksi Wanita Dalam Pembuktian. Keperluan saksi adalah satu proses untuk membuktikan sesuatu perkara itu berlaku. Dalam pelaksanaan hudud telah mensyariatkan seramai 4 orang saksi lelaki untuk menjadi sebahagian saksi untuk menjadi sebahagian syarat untuk menjadi saksi. Isu kedudukan saksi wanita juga turut menjadi pertikaian kerana hak keterangan tidak diberikan kepada wanita yang mana wanita tidak boleh menjadi saksi dalam kes-kes yang melibatkan kesalahan jenayah hudud (Martin Lau, Twenty-Five years of Hudood Ordinances- A Review, 2007). Perkara ini telah dilihat oleh sesetengah NGO wanita yang beranggapan bahawa timbulnya isu ketidakadilan dalam akta undang-undang hudud kerana wanita tidak berikan hak yang sama dengan lelaki untuk menjadi sebahagian saksi dalam memberikan keterangan di mahkamah. Isu ini dilihat sebagai satu isu yang berbentuk tidak adil kepada wanita kerana sekiranya sesuatu kes yang berlaku hanya mempunyai saksi wanita namun tidak dapat mengemukakan kes kerana syarat saksi tidak memenuhi syarat.

Hal ini telah dibincangkan kerana kebanyakan mahkamah sering mengabaikan kesaksian yang diberikan oleh wanita (Human Right, 2015) yang mengakibatkan wanita banyak telah dianiaya dan kes-kes yang telah dikemukakan oleh mahkamah tidak boleh dilaksanakan dengan baik. Sebagaimana artikel 62 Akta Keterangan 1994 (Liv Tønnessen, 2014) di Sudan menyatakan bahawa setiap keterangan yang diberikan perlulah memenuhi syarat yang telah ditetapkan, iaitu: a) Pengakuan mestilah dilaksanakan di mahkamah, dan boleh ditarik balik, b) Keterangan yang diberikan oleh empat orang lelaki dewasa, c) wanita yang mengandung di luar nikah, d) sumpah. Melalui akta ini jelas menunjukkan bahawa wanita tidak diberikan hak yang sama dengan lelaki dalam syarat keperluan saksi. Dengan demikian, perkara ini telah menjadi perbincangan di kalangan wanita kerana wanita tidak berikan hak yang sama dengan lelaki. Keadaan ini akan menimbulkan diskriminasi terhadap kaum wanita. Perkara ini sebenarnya dilihat bahawa kesaksian wanita juga perlu diwujudkan dalam akta pelaksanaan undang-undang jenayah hudud agar wanita juga mempunyai hak keterangan sama dengan lelaki.

Begitu juga bantahan yang telah dibuat oleh (Karla Mantilla, 2006) yang mengatakan bahawa dalam akta pelaksanaan undang-undang hudud kesaksian yang diberikan oleh wanita tidak diambil berat oleh mahkamah yang mengakibatkan kes-kes yang berkaitan dengan wanita tidak dapat diselesaikan akibat gagal mengemukakan bukti yang kukuh kepada mahkamah. Isu ini juga dikritik kerana terdapat unsur ketidakadilan dan ketidakselarasan gender dalam akta hudud

kerana wanita tidak diberikan hak yang sama dengan kaum lelaki walhal wanita juga mampu untuk menjadi saksi yang adil. Perbincangan ini diluaskan yang mana akhirnya sebahagian NGO wanita yang bersependapat bahawa perlu ada perubahan dari sudut pelaksanaan hudud supaya dapat diseleraskan dengan keadaan semasa agar hak wanita juga tidak didiskriminasikan.

e) Bantahan Terhadap Hukuman Rejam dan Sebatan. Perlaksanaan hukuman hudud juga telah dikritik dari segi bentuk hukuman kerana dinyatakan bahawa hukuman rejam sampai mati dan sebatan 100 kali adalah sesuatu bentuk hukuman yang kejam dan menzalimi. Kritikan ini juga telah dibuat oleh Farzana Bani (Karla Mantilla, 2006) iaitu wanita daripada kumpulan hak wanita Pakistan, yang menyatakan bahawa perlaksanaan hukuman rejam keatas pesalah yang melakukan zina adalah sesuatu bentuk hukuman yang akan memalukan kepada mangsa dan juga keluarga mangsa dan bukan suatu bentuk hukuman perlu dilakukan dan perkara ini perlu dimansuhkan. Hal ini kerana ada yang berpendapat bahawa sudah mencukupi hukuman sekadar dipenjara dan disebat kepada pesalah wanita. Pandangan ini diutarakan kerana melihat kepada pesalah wanita yang agak lemah supaya diringgankan hukuman yang lebih sesuai untuk dilaksanakan.

(Naveeda Noreen, 2012) juga mencadangkan supaya perlaksanaan hukuman hudud perlulah dilaksanakan mengikut yang diperingkatkan dalam Al-Quran dan As-Sunnah agar setiap tindakan yang dilakukan sesuai dengan aturan ajaran Islam yang dikehendaki. Kritikan yang telah dikemukakan oleh sebahagian badan-badan bukan kerajaan yang menyatakan bahawa hukuman hudud dilihat kejam kerana merejam pesalah yang berzina dengan hukuman rejam sampai mati. Walhal perkara ini sebenarnya amat jarang berlaku kerana kebanyakkan kes jenayah zina tidak dapat diuruskan dengan baik kerana kekurangan bukti untuk membuktikan seseorang itu telah melakukan zina kerana syarat-syarat yang telah ditetapkan gagal untuk dipenuhi. Hasil rumusan mendapati bahawa perlaksanaan hukuman rejam dan sebatan hanya boleh dilaksanakan sekiranya bukti yang menyatakan sesuatu kesalahan tersebut dipenuhi.

f) Ketidakjelasan Bukti Dalam Pensabitan Kes. Pindaan akta hukuman jenayah hudud (Liv Tonnessen-2014) telah dikritik oleh sebahagian agensi yang menjaga hak keadilan kepada wanita kerana melihat masih terdapat ketidakjelasan bukti untuk pensabitan kes. Sebagai contoh yang berlaku dalam akta undang-undang hudud di Sudan telah menyatakan bahawa bukti kehamilan di luar nikah boleh disabitkan sebagai bukti yang menunjukkan bahawa dia telah melakukan penzinaan sedangkan wanita tersebut hamil hasil akibat daripada di rogol. Perkara ini telah dibincangkan dan telah ditubuhkan Akta Perlindungan Wanita (Naveeda Noreen, Protection of women rights through legal reforms in Pakistan) pada tahun 2006 untuk menjaga kepentingan wanita daripada diniaya. Kebiasaan kes yang melibatkan zina sering menjadi isu pertikaian kerana ketidakjelasan bukti untuk menunjukkan seorang wanita itu telah berzina ataupun telah dirogol. Perkara ini juga telah dibincangkan oleh (Julie Norman, 2005) menyatakan bahawa wanita sering dituduh dan dihukum kerana telah berzina walhal wanita tersebut telah dirogol. Perkara ini sebenarnya telah mendiskrimasikan wanita kerana wanita telah disabitkan kesalahan yang bukan mereka lakukan.

Diantara kes yang telah berlaku berkaitan dengan kesalahan yang melibatkan jenayah zina sebenarnya telah banyak berlaku kerana dalam perlaksanaan hukuman zina yang kebanyakannya wanita telah menjadi mangsa akibat ketidakjelasan pembuktian dalam kesalahan tersebut. Hal ini ditimbulkan kerana terdapat bentuk pembuktian yang dilihat tidak adil kepada wanita. Sebagai contoh dalam kes jenayah rogol telah berlaku yang mana seorang wanita telah mengadu kepada pihak mahkamah bahawa dia telah dirogol. Namun, beliau gagal untuk menghadirkan bukti yang kukuh untuk membuktikan bahawa dia telah dirogol yang mana wanita tersebut telah dituduh melakukan perzinaan atas alasan telah hamil diluar nikah (Julie Norman, 2005). Perbincangan ini diluaskan lagi dengan mengatakan bahawa bukti kehamilan seorang wanita tidak boleh dinyatakan bahawa dia telah melakukan perzinaan sedangkan kemungkinan hamil itu disebabkan telah dirogol. Untuk mengelakkan timbul isu ketidakjelasan pembuktian ini ada yang mencadangkan supaya menubuhkan satu jawatan khas untuk menyiasat perkara-perkara yang melibatkan jenayah zina dikalangan wanita kerana dalam akta hudud yang sebelumnya dilihat belum ada satu skop atau aturan yang khusus untuk menentukan kesalahan itu berlaku.

Diantara penambahbaikan yang telah dilakukan di Pakistan dalam akta undang-undang jenayah hudud melalui seksyen 375 dan 376 bagi kesalahan jenayah rogol (Naveeda Noreen, Protection of women rights through legal reforms in Pakistan, Journal of Public Administration and Governance) telah dinyatakan bahawa pesalah lelaki mahupun wanita perlu dijalankan hukuman yang sama kerana telah melakukan perbuatan tersebut yang mana mangsa tidak perlu lagi menghadirkan empat orang saksi yang beragama islam dan adil untuk membuktikan perkara tersebut. Begitu juga dengan mangsa yang membuat aduan atau mangsa yang datang dengan pertuduhan zina tidak akan dikenakan hukuman atas sebab tuduhan zina yang diberikan bahkan mahkamah perlu mempertimbangkan dan menyiasat kes-kes yang dikemukakan dengan adil. Perkara ini dicadangkan supaya tidak ada unsur pengianayaan akan berlaku kepada wanita dan dapat mengadili hak-hak wanita dengan baik.

Apa yang perlu diperjelaskan disini tidak semua kes yang dikatakan bahawa wanita telah diniaya. Namun, masih juga terdapat kes wanita yang mendakwa mereka telah diperkosa tetapi telah dibuktikan bahawa dia telah berzina. Perkara yang sedemikian tidak dapat dinafikan akan berlaku kerana tidak semua kes yang dibuat adalah sesuatu perkara yang benar.

Oleh itu mahkamah perlu mengambil tindakan keatas setiap aduan yang dikemukakan agar setiap tindakan yang diambil tidak mengianyai mana-mana pihak. Hal ini juga kerana agak sukar untuk menghadirkan empat orang saksi sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam akta undang-undang hudud untuk membuktikan sesuatu kesalahan berlaku. Pandangan yang telah dikemukakan oleh (Asifa Quraishi, 1990) menyatakan bahawa dalam kesalahan yang melibatkan jenayah rogol agak sukar untuk dibuktikan kerana perbuatan tersebut adalah dilakukan dengan cara paksaan yang mengakibatkan mangsa rogol akan disabitkan dengan kesalahan jenayah zina.

Perkara ini menjadi isu pertikaian kerana ketidakjelasan bukti yang kukuh untuk membuktikan kehamilan diluar nikah sudah mencukupi untuk membuktikan bahawa wanita tersebut telah melakukan zina adalah sangat tidak adil kepada wanita kerana mangsa rogol akan dikenakan hukuman disabit telah melakukan zina sementara perogol bebas daripada hukuman. Ketidakjelasan dalam pembuktian ini sebenarnya memberi kesan yang cukup besar kepada wanita kerana ketidakjelasan bukti mengakibatkan wanita dihukum dengan hukuman yang bukan kesalahan atas dirinya bahkan pesalah yang sebenar telah dibebaskan. Hal yang demikian, perlu mencari satu solusi untuk mengatasi isu ketidakjelasan bukti dalam pensabitan kes yang melibatkan kesalahan kes jenayah zina dan rogol agar pembelaan terhadap wanita dapat dijaga dengan sebaiknya.

KESIMPULAN

Dalam membincangkan mengenai perlaksanaan hudud yang mana telah diaplikasikan dibeberapa buah negara yang mengamalkan sistem cara perlaksanaan hukuman secara Islam sebenarnya dapat memberikan satu contoh atau gambaran terhadap perlaksanaan hudud di negara-negara yang telah melaksanakannya. Walaupun terdapat pelbagai kritikan mahupun pandangan terhadap perlaksanaan hudud telah membuktikan bahawa terdapat banyak kajian yang telah dibuat untuk menghasilkan satu undang-undang yang dapat dilaksanakan bersesuaian dengan peredaran zaman.

Perlaksanaan hukuman hudud di Negara Pakistan, Nigeria dan Sudan dikritik oleh sebahagian badan-badan wanita kerana melihat bentuk hukuman yang dilaksanakan telah ditimbulkan dengan isu keganasan terhadap kaum wanita yang mana hak-hak wanita banyak telah didiskriminasi. Isu ketidakadilan hukuman hudud terhadap wanita telah ditimbulkan apabila terdapat beberapa perkara yang dikatakan sebagai bentuk hukuman yang tidak mengadili terutamanya dalam isu keperluan saksi wanita yang mana dilihat sebagai satu bentuk peruntukan yang tidak adil dalam perlaksanaan hudud kerana wanita juga tidak diberikan hak yang sama seperti lelaki walhal wanita juga mampu untuk menjadi sebagai sebahagian saksi.

Selain itu, banyak juga isu yang ditimbulkan antaranya ialah isu yang berkaitan dengan pelanggaran hak asasi manusia juga dikritik kerana dilihat sebagai suatu perkara yang tidak wajar berlaku kerana hak keselamatan bagi seorang pesalah adalah dibawah tanggungjawab kerajaan. Namun, malang sekali perlaksanaan hudud tidak dapat dilaksanakan dengan baik sehinggakan timbul isu-isu yang menganiayakan hak-hak wanita yang mana akhirnya wanita yang paling ramai menjadi mangsa keadaan kerana ketidakjelasan dari sudut undang-undang dan buta huruf.

Secara rumusannya dapat disimpulkan bahawa perlaksanaan hukuman hudud yang telah dilaksanakan di negara-negara Islam adalah kerana untuk menjaga kepentingan umat Islam di negara masing-masing. Perkara ini telah diambil inisiatif oleh beberapa badan-badan wanita (Rana Riaz Saeed, 2004) yang telah menubuhkan beberapa NGO untuk menjaga kepentingan hak-hak wanita agar wanita mendapat penerangan yang sebaiknya tentang hak-hak mereka dalam undang-undang. Selain itu juga, NGO wanita antarabangsa dan kebangsaan juga memainkan peranan untuk menyuarakan pandangan mahupun kritikan terhadap perlaksanaan hukuman hudud agar perlaksanaan undang-undang jenayah Islam dapat dilaksanakan dengan baik dan adil terutamanya yang melibatkan hak-hak pembelaan kepada kaum wanita.

RUJUKAN

Aliyah Ali dan Nasreen Aslam Shah, Women prisoners in Pakistan: changing practices to enforce laws & rights, Kuwait chapter of Arabian journal of Business and management review, Vol.1, No.4; December 2011), 57.

Amina Jamal, Gendered Islam and modernity in the nation-space: Womes’s modernism in the Jamaat’e Islami of Pakistan, Femini st review, No.91, South Asian feminisms:negotiating new terrains (2009) pp. 9-28, <http://www.jstor.org/stable/40663977>.

Anita M.Welss, Islamic influences on sociolegal conditions of Pakistan women. Oriente modern, Nuora serie, Anno 23 (84), Nr. 1, Islam in South Asia (2004), pp. 307-328, (Istituto per l’Oriete C.A. Nallino, <http://www.jstor.org/stable/25817931>

Abdel Salam Sidahmed, Problems in contemporary applications of Islamic criminal sanctions: The penalty for adultery in relation to mowen, British Journal Of Middle Eastern Studies, Vol.28, no.2 (Nov, 2001)pp.187-204) Taylor & Francis Ltd, <http://www.jstor.org/stable/826124>

- Abdul Halim El-Muhammady, *Undang-undang Islam di beberapa Negara Islam selepas merdeka*, Rujukan “Asas dan kerangka perundangan Negara Islam-Malaysia, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2005),73-75.
- Azman Mohd Noor, Rape: A problem of crime classification in Islamic law, Arab Law Quarterly, Vol. 24, No.4 (2010), pp.417-438, Brill, <http://www.jstor.org/stable/27896105>
- Aime Muyoboke Karimunda. *The Death Penalty In Africa The Path Towards Abolition*, (London: Taylor & Francis Group, 2016).5.
- Azman bin Mohd Noor, *Prosecution of rape in Islamic law: A review of Pakistan hudood Ordinances 1979*. (IIUM Law Journal Vol.16 No.2,2008)
- Aime Muyoboke Karimunda. *The Death Penalty In Africa The Path Towards Abolition*, (London: Taylor & Francis Group, 2016)
- Hina Azam, Rape as variant for fornication (Zina) in Islamic law: An examination of the early legal reports, Journal of law and religion, Vol.28, No.2 (2012-13), pp. 441-466, Cambridge University Press, <http://www.jstor.org/stable/23645194>
- Human Rights Council, Twenty-nine session 3, Promotion and protection of all human rights, civil, political, economic, social and cultural rights, including the right to development, The International community must address discriminatory punishment and treatment of women and girls that remains prevalent globally. 25 May 2015]. General Assembly: United Nations.
- Julie Norman , CSID Sixth Annual Conference “Democracy and Development: Challenges for the Islamic World” Washington, DC - April 22 - 23, 2005, “Rape Law in Islamic Societies:Theory, Application and the Potential, American University, Washington, DC.
- Katherine M.Weaver, Women’s rights and Shari’a law: A Workable Reality? An Examination of possible international human rights approaches through the continuing reform of the Pakistani Hudood Ordinance, Duke Journal of comparative & International Law, Vol 17:483, 2007, 484.
- Khawar Mumtaz, Advocacy For An End to Poverty, Inequality, and Insecurity: Feminist Social Movements in Pakistan. Gender and Development, Vol. 13, No. 3, Advocacy , (Taylor & Francis, Ltd. on behalf of Oxfam GB ,2005),
- Rasheed Sadia, Mufti Mazhar, Najma Najam (July 2005) Relationship between Suicidal Ideation, Social Support, and coping skills in female prisoners of a jail in Pakistan, Volume2, Number 2
- Martin Lau, Twenty-Five years of Hudood Ordinances- A Review, 64 Wash & Lee L.Rev.1291 (2007), 1292
- Ishaq, The debates surrounding the accommodation of Islamic adultery crime and punishment into Indonesia criminal code, Journal of Indonesia Islam, Volume 10, Number 01, June 2016, 37.
- Pratiksha Baxi, Shirin M. Rai and Shaheen Sardar Ali, Legacies of Common Law: ‘Crimes of Honour’ in India and Pakistan, Third World Quarterly, Vol. 27, No. 7, The Politics of Rights: Dilemmas for Feminist Praxis, Taylor & Francis, Ltd, (2006), 1239-1253
- Rudolph Peters, Crime and punishment in Islamic law, Theory and practice from the sixteenth to the twenty-first century, (United Kingdom: University Press Cambridge, 2005)
- Tahir Wasti, The application of Islamic Criminal law in Pakistan, Sharia in Practice, 2009, Koninklijke Brill Nv, Leiden: Netherlands.
- Yahaya Yunusa Bambale, Crimes and Punishments under Islamic Law, edition 2, (Malthouse press limited: University of Michigan), 2003
- Written statement* submitted by Human Rights Now, a nongovernmental organization in special consultative status, Human Rights Council, Twenty-nine session, The Secretary-General has received the following written statement which is circulated in accordance with Economic and Social Council resolution 1996/31, A/HRC/29/NGO/X, [25 May 2015], General Assembly: United Nations.